

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.11.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID**
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN BEG MAKANAN
BERSERTA WANG EHSAN KEPADA WARGA MBSP
SEMPENA PROGRAM TAUTAN KASIH *ONE HOPE*
CHARITY TAHUN 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT
22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)
3.30 PETANG

**AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Chua Sui Hau

Pengerusi One Hope Charity & Welfare

Yang Berusaha Dato Seri R. Arunasalam

Penasihat One Hope Charity & Welfare

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Hairol Bin Man

Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Selaku Pengarah Program

Penyerahan Beg Makanan Beserta Wang Ehsan Kepada Warga MBSP

Sempena Program Tautan Kasih *One Hope Charity* 2024

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis **Penyerahan Beg Makanan Berserta Wang Ehsan Kepada Warga MBSP Sempena Program Tautan Kasih *One Hope Charity*** Tahun 2024.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Chua Sui Hau selaku Pengerusi *One Hope Charity & Welfare* atas penganjuran Majlis Penyerahan Beg Makanan Berserta Wang Ehsan kepada Warga Kerja MBSP pada petang yang berbahagia ini.
3. Seperti yang kita sedia maklum, *One Hope Charity & Welfare* merupakan satu badan bukan kerajaan (NGO) yang paling aktif menjalankan misi kebajikan di negeri ini. Sejak penubuhannya pada tahun 2002, *One Hope Charity & Welfare* telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada ribuan orang yang kurang berkemampuan. Matlamat utama *One Hope Charity & Welfare* adalah untuk memberi bantuan kos perubatan, bantuan pengebumian, sumbangan barang keperluan harian dan lain-lain kepada keluarga yang memerlukan di kalangan penduduk di Pulau Pinang. Dengan kajian latar belakang

penerima yang ketat, *One Hope Charity & Welfare* tetap telus terhadap para penderma yang murah hati. Semoga *One Hope Charity & Welfare* akan terus mengusahakan kerja kebajikan yang lebih mampan dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

4. *One Hope Charity & Welfare* juga banyak membantu warga kerja yang tidak berkemampuan di Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di MBSP, *One Hope Charity & Welfare* telah memperuntukkan dan mengagihkan barang-barang keperluan harian kepada warga kerja MBSP yang kurang berkemampuan setiap tahun sejak tahun 2018. Selain itu, warga kerja MBSP yang tersenarai, dihantar untuk menyertai Karnival Kesihatan *One Hope Charity & Welfare* yang diadakan setiap tahun. Pelbagai perkhidmatan ujian kesihatan dan pemeriksaan badan dilaksanakan yang membabitkan ujian ke atas darah untuk menguji tahap kesihatan.
5. Dan pada petang ini, melalui Program Tautan Kasih *One Hope Charity* Tahun 2024, *One Hope Charity & Welfare* meneruskan misi bantuan dengan menyediakan 250 beg makanan bernilai RM100.00/beg dan wang tunai sebanyak RM200.00 kepada kakitangan MBSP yang bertugas dalam bidang 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).
6. Seramai 250 penerima sumbangan ini adalah kakitangan MBSP daripada 11 jabatan.

7. Akhir kata, Tahniah dan Syabas kepada *One Hope Charity & Welfare* atas usaha yang amat bermakna ini. Sesungguhnya, MBSP amat bangga dengan usaha dan kejayaan yang dipamerkan oleh *One Hope Charity & Welfare* secara keseluruhannya. Semoga *One Hope Charity & Welfare* terus mengorak langkah lebih maju dalam menjayakan misi membantu lebih ramai golongan yang memerlukan.

Sekian. Terima Kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***